Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Isu buli: Tambah warden penyelesaian jangka pendek

Oleh Azhar Shahrulnizam - November 15, 2023 @ 4:12pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan (KPM) perlu memberikan tumpuan kepada langkah pencegahan untuk mengatasi isu buli di sekolah, berbanding kaedah intervensi termasuk melalui penambahan bilangan warden asrama.

Pensyarah Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Izwan Mahmud, berkata penambahan warden diakui tindakan jangka masa pendek yang baik, namun keutamaan perlu diberi kepada usaha mengubah persekitaran sekolah.

"Budaya buli ada di sekolah dalam satu jangka masa panjang. Setiap tahun ada kes buli kerana ia tidak berjaya dirawat sepenuhnya.

"Apabila seorang pelajar Tingkatan Satu dibuli pelajar Tingkatan Lima, pengalaman trauma itu menyebabkan mangsa cenderung untuk membalas dendam kepada pelajar lain apabila menjadi senior.

"Jadi, kesedaran dalam sistem sekolah itu sendiri perlu diubah kerana lebih baik mencegah buli daripada melakukan langkah intervensi," katanya.

Semalam media melaporkan KPM menambah bilangan warden sebanyak 63 peratus sejak 1 Ogos 2022 dengan julat sekurang-kurang tiga orang di sebuah asrama, sebagai langkah mencegah kes buli.

Menterinya, Fadhlina Sidek, berkata KPM juga mengadakan kempen peningkatan kemahiran kepada warden serta ketua warden dari semasa ke semasa, bersesuaian dengan tugas mereka seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Tadbir Urus Sekolah (MySG).

Mengulas lanjut, Mohd Izwan berkata, kes buli di sekolah perlu dibincangkan bersama ibu bapa dan pihak sekolah tidak boleh mengambil sikap mendiamkan diri sekiranya ia terjadi.

"Mangsa buli perlu diberikan kaunseling kerana mengalami pengalaman trauma dan pelaku juga perlu dibantu kerana mereka mempunyai tingkah laku agresif. Tingkah laku ini juga salah satu punca mengapa mereka menjadi pembuli.

"Jika pembuli tidak diberi bimbingan, mereka cenderung menjadi lebih agresif. Selepas mereka dibuang sekolah dan menjadi lebih agresif apakah yang akan terjadi kepada mereka pada masa hadapan," katanya.

Beliau juga berkata, ibu bapa berperanan memerhatikan perubahan tingkah laku anak di rumah dan jika ini tidak diambil berat, mereka mungkin berisiko terbabit gejala buli di sekolah.

"Menjadi kesilapan jika ibu bapa hanya mengharapkan guru untuk mengatasi isu buli," katanya.

Ketua Pusat Pengajian, Jabatan Pengajian Pendidikan Universiti Teknologi MARA (UITM) Dr Sharifah Muzlia Syed Mustafa, pula berpendapat penambahan warden di sekolah berkesan untuk mencegah buli sekiranya pendekatan berhemah digunakan.

Ini kerana, katanya, murid di sekolah memerlukan satu authoriti untuk mengawal mereka.

"Kawalan orang dewasa perlu untuk memberikan panduan. Kita tidak mahu menghukum pesalah buli, tetapi lebih kepada mencegah sebelum ia bermula.

"Warden tidak perlu menunjukkan sisi garang sentiasa. Pelajar membuli rasa mereka berkuasa selagi tidak ditangkap dan jika tahu mereka dipantau dengan kerap, gejala buli dapat dikurangkan," katanya.